



1 Disember 2015
1 December 2015
P.U. (A) 282

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL) (PINDAAN) 2015

ENVIRONMENTAL QUALITY (CONTROL OF PETROL AND DIESEL PROPERTIES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2015**.

Pindaan peraturan 4

2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007 [*P.U. (A) 145/2007*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 4(1)—

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “Pertama” perkataan “, berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam ruangan (4) Jadual Pertama”; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “Kedua” perkataan “, berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam ruangan (4) Jadual Kedua”.

Penggantian Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA
[Perenggan 4(1)(a)]

Piawaian Petrol Malaysia

(1) KANDUNGAN	(2) EURO 5		(3) KAEDAH UJIAN	(4) TARIKH DITETAPKAN
	MINIMUM	MAKSIMUM		
Jumlah sulfur	-	10 mg/kg	ASTM D5453	1 September 2025
Plumbum	-	0.005 g/l	ASTM D3237	1 September 2025
Penyulingan - Peratusan tersejat pada 100 °C	46% isipadu/ isipadu	-	EN ISO 3405/ IP 123	1 September 2026
- Peratusan tersejat pada 150 °C	75% isipadu/ isipadu	-		1 September 2026
Tekanan Wap Reid pada 37.8 °C	-	60 kPa	MS 2012	1 September 2026
Kandungan oksigen	-	3.7% jisim	EN 1601	1 September 2026
Pengoksigenan - Eter yang mengandungi lima atau lebih atom karbon per molekul	-	22% isipadu	ASTM D5599	1 September 2026
Benzena	-	1.0% isipadu	MS 1894	1 September 2027
Olefin	-	21% isipadu	ASTM D1319	1 September 2027
Aromatik	-	42% isipadu	ASTM D1319	1 September 2027